

Rabu – 16 Disember 2020

Halaman : 3



Di perkampungan di Pos Brooke, Gua Musang inilah seorang wanita dicekik sampai mati oleh suaminya pada Ahad lalu.

Lelaki cemburu isteri didakwa ada hubungan sulit

Cekik sampai mati

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU – Seorang lelaki Orang Asli suku kaum Temiar bertindak di luar batasan apabila mencekik isterinya sampai mati hanya kerana mempercayai fitnah pasangannya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain.

Kejadian berlaku di rumah pasangan itu di Kampung Liak, Pos Brooke di Gua Musang pada Ahad lalu.

Dalam kejadian pada pukul 10 malam itu, mangsa, Huda Sudin, 38, yang merupakan ibu kepada lima anak meninggal dunia di lokasi kejadian.

Ketua Polis Kelantan, Deputi Komisioner Datuk Shafien Mamat

berkata, selepas kejadian itu, suspek yang berusia 45 tahun cuba menamatkan riwayat hidupnya dengan meminum racun rumput.

Lelaki itu bagaimanapun sempat diselamatkan dan dirawat di Hospital Gua Musang.

“Siasatan awal mendapat suspek mengesyaki isterinya melakukan hubungan seks beberapa kali dengan seorang lelaki yang tinggal di kawasan tersebut.

“Pasangan itu bergaduh dan semasa bergelut suspek dipercayai mencekik leher isterinya,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinen Kelantan di sini semalam.

Menurut Shafien, semasa kejadian itu, mangsa dipercayai

meronta-ronta sebelum meninggal dunia di lokasi kejadian.

Suspek yang panik keluar dari rumah tersebut dengan memandu kereta dipercayai untuk membeli minuman keras.

Sebaik pulang ke rumahnya, lelaki itu dipercayai meminum minuman keras sehingga mabuk sebelum meminum racun untuk membunuh diri.

“Lelaki itu dibawa ke Hospital Gua Musang untuk mendapatkan rawatan selepas ditemui penduduk kampung dalam keadaan tidak sedarkan diri,” katanya.

Mayat mangsa dihantar ke hospital sama untuk dibedah siasat. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksian.